

NOTA SEJARAH TINGKATAN TIGA

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ROMPIN

DISELENGGARA OLEH
EN HASHJMME BJR OMAR

HAK MILIK TERPELIHARA:
AHMAD BIN AB. RAHMAN
KETUA BIDANG KEMANUSIAAN, SEK. MEN. KEB. ROMPIN.
PAHANG DARUL MAKMUR.

BAB. 1.

PENDUDUKAN JEPUN DI TANAH MELAYU

Pengenalan

1. 15 Februari 1942 sehingga 12 Ogos 1945, Jepun memerintah Tanah Melayu.
2. Pendudukan Jepun telah menyemarakkan semangat kebangsaan rakyat.
3. Jepun memerintah Tanah Melayu secara ketenteraan.

Kedatangan Jepun

1. 1868 hingga 1912 : Maharaja Mikado Meiji memerintah Jepun.
2. Meiji melancarkan program pemodenan dan perindustrian dengan Barat sebagai model untuk memajukan Jepun.
3. 1895: Jepun memenangi Perang China – Jepun I : China banyak bahan mentah dan berpotensi sebagai kawasan pasaran barangan Jepun.
4. 1905 : Jepun mengalahkan Rusia dan Jepun mula dianggap sebagai kuasa besar.
5. Masalah ekonomi menjadi antara faktor Jepun meluaskan pengaruhnya:-
 - 5.1. Pertambahan penduduk Jepun menyebabkan penggunaan tanah untuk pertanian dan perindustrian kurang.
 - 5.2. Jepun memerlukan petroleum, bijih timah, getah dan lain-
Lain bahan mentah
 - 5.3. Kawasan pasaran baru untuk barangan keluaran industri

Jepun.

6. 1940: Amerika Syarikat mengenakan sekatan ekonomi ke atas Jepun kerana enggan keluar dari China setelah Jepun menawan sebahagian besar China dalam Perang China Jepun Kedua.
7. 1941: Jeneral Tojo menjadi Perdana Menteri Jepun, beliau menyerang Asia Tenggara bagi mengatasi sekatan ekonomi oleh Amerika.
8. Sebelum menyerang Asia Tenggara, Jepun melancarkan propaganda untuk mempengaruhi pemikiran rakyat tempatan agar bangkit menentang penjajahan Barat dengan slogan-slogan seperti “ ASIA UNTUK ORANG ASIA”, “SEMANGAT ASIA” dsbnya.
9. Rancangan “Kawasan Kesemakmuran bersama Asia Timur Raya” dilancarkan untuk menaikkan imej Jepun sebagai pembela negara Timur yang dijajah oleh Barat dan Jepun bukan penjajah baru.
10. 8 Disember 1941: Tentera Jepun mendarat di Singgora, Patani dan Pantai Sabak (Kota Bharu) dan mara ke selatan Tanah Melayu Melalui Pantai Timur dan Pantai Barat (setiap arah dengan dua laluan Iaitu jalan pesisir pantai dan jalan darat iaitu bandar).
11. Di Sarawak, Jepun mendarat di Miri pada 16 Disember 1941 dan Mara ke Kucing dan Sibul.
12. Dari Miri, tentera Jepun mara ke Labuan dan Sandakan pada 19 Januari 1942.
13. Semasa berundur, tentera British menggunakan taktik “BUMI HANGUS” : memusnahkan segala infrastuktur seperti jalan raya, Landasan kereta api, jambatan, ladang getah, lombong dan Membakar telaga minyak di Miri.
14. 15 Februari 1942 : seluruh Tanah Melayu dan Singapura jatuh ke tangan Jepun apabila Lef. Jeneral A.E. Percival menyerah diri kepada Lef. Jeneral Yamashita Tomoyuki (Harimau Malaya) di Singapura.

15. Kunci kejayaan tentera Jepun ialah strategi peperangan yang baik, Semangat perjuangan yang tinggi, kelemahan tentera British dll.

Dasar Pemerintahan Jepun

1. Pemerintahan secara tentera.
2. Tanah Melayu disebut sebagai Malai Baru (Melayu Baru).
3. Singapura disebut sebagai Syonan (Cahaya Selatan).
4. Pentadbiran Tanah Melayu dibahagi kepada Pentadbiran Pusat Dan Pentadbiran Wilayah.
5. Pentadbiran Pusat diketuai oleh seorang Pengarah Agung yang berpusat Di Singapura.
6. Negeri-negeri diletakkan di bawah Pentadbiran Wilayah yang diketuai Oleh Gabenor Wilayah.
7. Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu diserahkan kepada Thailand Sebagai membalas jasa di atas kerjasama Thailand semasa kemasukan Tentera Jepun.
8. Sabah, Sarawak dan Brunei digabung dan digelar Pentadbiran Borneo Utara yang diketuai oleh Gabenor Jeneral yang berpusat di Kucing.
9. Sarawak dibahagi kepada tiga wilayah, Sabah kepada dua wilayah dan Pentadbirannya sama seperti di Tanah Melayu.

Reaksi Penduduk

1. Ada dalam kalangan orang Melayu mengalu-alukan kedatangan Jepun Dengan hasrat Tanah Melayu diberikan kemerdekaan kerana mereka Terpengaruh dengan slogan propaganda Jepun.

2. KMM pimpinan Ibrahim Yaakob telah bekerjasama dengan Jepun.
3. 1942 : Jepun membubarkan KMM.
4. Jepun melayan orang Cina dengan zalim .
5. Manakala orang India dilayan lebih baik kerana Jepun mengharapakan Kerjasama mereka untuk menghalau British dari India.
6. Kekejaman Jepun telah menyebabkan munculnya kumpulan-kumpulan Penentang tentera Jepun (rujuk / tulis : ms 25)
7. 6 Ogos 1945, bom atom digugurkan di Hiroshima dan 9 Ogos 1945 digugurkan pula di Nagasaki, dengan itu pada 15 Ogos 1945 Jepun telah menyerah kalah kepada Tentera Bersekutu.

Kesan Pemerintahan Jepun

Kesan Politik

1. Kejayaan Jepun mengalahkan Rusia telah meningkatkan keyakinan orang Asia Untuk membebaskan negara mereka daripada penjajahan Barat.
2. Slogan “Asia Untuk Orang Asia” berjaya mempengaruhi pemikiran rakyat Bahawa Baat boleh dikalahkan.
3. Koa Kunrenjo (Sekolah Latihan Kepimpinan) ditubuhkan oleh Jepun dengan Tujuan untuk melibatkan orang Melayu dalam pentadbiran:-
 - Abang Haji Openg : Pegawai Daerah Kucing;
 - Kapt. M.Salleh Hj. Sulaiman : Pegawai Daerah Hulu Perak;
 - Ibrahim Hj. Yaakob : Dilantik sebagai Left. Kol. PETA (pasukan separa tentera yang dilatih oleh tentera Jepun)
- 4
- Dr. Burhanuddin Al-Helmy : Penasihat Kebudayaan dan Adat Istiadat Melayu;
- Dato Onn Jaafar : Pengawal Makanan / Ahli Majlis Mesyuarat Johor.
4. Jepun tidak melaksanakan dasar membela negara-negara Asia seperti slogan Yang telah mereka jaja dalam propaganda mereka.

5. Akhbar dan pertubuhan-pertubuhan yang mencurigakan mereka diharamkan : 1942: KMM yang pro-Jepun diharamkan.
6. Tanah Melayu dijanjikan merdeka bersama-sama dengan Indonesia : KRIS Ditubuhkan bagi mengukuhkan konsep Melayu Raya yang diperjuangkan Oleh KMM.
7. Semangat kebangsaan mengikut kaum dan berpaksi kepada negara asal : Orang India untuk memerdekakan India.
8. PKM menubuhkan MPAJA (Bintang Tiga) semakin berpengaruh kerana Mendapat bantuan daripada FORCE 136.

Kesan Ekonomi

1. Ekonomi Tanah Melayu semakin merosot.
2. Gaji kaki tangan kerajaan dikurangkan.
3. Pengangguran meningkat.
4. Sekatan Ekonomi yang dikenakan oleh Negara Bersekutu menyebabkan Perdagangan antarabangsa terhenti : bijih timah dan getah tidak dapat di-Ekspot manakala beras tidak dapat diimport.
5. Duit Jepun dicetak tanpa kawalan menyebabkan inflasi tinggi : banyak duit Dalam pasaran tetapi kekurangan barang menyebabkan harga tinggi dan Nilai duit menjadi semakin rendah.
6. Jepun mengenakan catuan bekalan makanan : ubi kayu dan keledak menjadi Makanan utama, industri berasaskan bahan tempatan seperti kasut getah, Kain daripada benang nenas, minyak kelapa, gula kelapa, rokok daun dsbnya.

Kesan Sosial

1. Peperangan membawa kesengsaraan dan kebuluran.
2. Penduduk saling mencurigai : ada ejen Jepun (*kempeitei*) dalam kalangan penduduk tempatan menjadi tali barut atau perisik untuk Tentera Jepun.
3. Tentera Jepun kejam : hukuman mati dijalankan dikhalayak ramai.
4. Ada penduduk dipaksa menjadi buruh paksa bagi membina “*Landasan Kereta api maut*” di sempadan Thailand – Burma.
5. Kemudahan kesihatan terjejas teruk – tiada ubatan dalam pasaran Menyebabkan penyakit seperti beri-beri merebak.

BAB. 2.

MALAYAN UNION DAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

Tanah Melayu selepas kekalahan Jepun

1. Pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan negara-negara lain berakhir apabila Pihak Bersekutu menggugurkan bom atom di Hiroshima dan Nagasaki.
2. Setelah Jepun menyerah kalah, Tanah Melayu dikuasai oleh MPAJA selama 14 hari.
3. MPAJA melakukan banyak keganasan dan kekejaman : berlaku huru-hara.
4. MPAJA menguasai bandar, balai polis, pejabat kerajaan dan melaksanakan Pentadbiran sendiri dengan menghukum sesiapa saja yang disyaki pernah Bekerjasama dengan Jepun.
5. Mengenakan cukai kepala, cukai tanah dan cukai harta yang tinggi.
6. Menyiksa, menculik dan menghukum sesiapa saja sesuka hati mereka.
7. Merampas harta benda dan membunuh rakyat tanpa sebarang perbicaraan.
8. Tindakan PKM ini menimbulkan ketegangan kaum kerana majoriti ahlinya Terdiri daripada orang Cina.
9. Di Batu Pahat dan Muar, orang Melayu di bawah pimpinan Kiai Saleh Karim Menyerang orang Cina.
10. Ketegangan kaum ini kemudiannya dapat diatasi apabila Tanah Melayu Diperintah oleh British Military Administration (BMA).

Pentadbiran Tentera British (PTB / BMA)

1. Di perkenalkan oleh British pada September 1945.
2. PTB diketuai oleh seorang Ketua Pengarah Hal Ehwal Awam bernama Sir Ralph Hone.
3. PTB bertujuan melaksanakan pentadbiran peralihan sebelum pentadbiran Awam diperkenalkan.
4. Antara kejayaan PTB ialah :-
 - 4.1. Menamatkan pemerintahan 14 hari PKM.
 - 4.2. Memujuk PKM / MPAJA menyerahkan senjata.
 - 4.3. Berjaya mengawal huru-hara dan ketegangan kaum.
 - 4.4. Mewujudkan keamanan dan menegakkan undang-undang.

MALAYAN UNION (MU)

Diisytiharkan oleh British pada 01 April 1945 di Carcosa Seri Negara (King's House) Kuala Lumpur dengan Sir Edward Gent sebagai Gabenor pertama Bagi menggantikan PTB.

Ciri-ciri Malayan Union

1. Status Tanah Melayu sebagai negeri naungan berubah menjadi ***Tanah Jajahan Mahkota***.
2. Mewujudkan pentadbiran bercorak kesatuan (*catat carta ms: 50& 51*).
3. MU adalah untuk memperkukuhkan pengaruh politik dan ekonomi British.

Reaksi Penduduk Terhadap Malayan Union

1. Sebahagian besar orang Melayu menentang Malayan Union (catat carta ms : 52).
2. Manakala orang Melayu yang menjadi ahli PKMM, API, AWAS dan BATAS Menyokong MU dengan alasan MU dapat menyatukan pentadbiran Tanah Melayu dan tidak lagi berasaskan kepada Raja-raja serta para Pembesar Melayu, Mereka juga menyokong kerakyatan terbuka kepada semua yang lahir di TM Dan penyatuan pentadbiran agama Islam bagi seluruh Tanah Melayu.
3. Pendirian parti-parti di atas, disokong pula oleh PKM dan MDU yang turut Mencadangkan agar Singapura dimasukkan dalam MU.
4. MU juga mendapatsokongan daripada AMCJA yang diketuai oleh Tan Cheng Lock.

Penentangan Terhadap Malayan Union (Rujuk / catat ms : 52)

1. Penentangan secara individu

- 1.1. 23 Jan. 1946 : Dato' Onn Jaafar menulis surat kepada akhbar Utusan Melayu supaya orang Melayu mengadakan Kongres bagi Menubuhkan United Malay's Organisation (UMO) : iaitu sebuah Persatuan bagi menentang Malayan Union.
- 1.2. Melihat kebangkitan orang Melayu menentang MU, Raja-raja Melayu Turut sama membantah MU dengan Sultan Johor menulis surat Bantahan kepada Setiausaha Tanah Jajahan British.
- 1.3. Bekas pegawai British yang pernah bertugas di TM seperti Frank Swettenham, R.O. Winstedt, Sir Frederick Weld, Sir Cecil Clementi Smith : juga menentang rancangan penubuhan MU melalui tulisan Mereka dalam Akhbar The Time's di London.

2. Penentangan Melalui Akhbar

- 2.1 Akhbar-akhbar seperti Majlis, Utusan Melayu, Warta Negara Menyeru Raja-raja Melayu dan orang Melayu supaya bersatu Bagi menentang MU.
3. Diadakan demonstrasi secara aman : berkumpul/ berhimpun di bandar-bandar Seperti Kota Bharu, Johor Baru, Alor Star sambil membawa sepanduk, kain Rentang dengan kata-kata menentang penubuhan MU.
4. Penubuhan persatuan-persatuan Melayu seperti Persatuan Melayu Terengganu, Persatuan Kebangsaan Melayu Selangor : menghantar telegram dan surat Bantahan kepada Pejabat Tanah Jajahan British di London sebagai bantahan Penubuhan MU.
5. 01-04 Mac 1946 : Diadakan Kongres Melayu I di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur, dengan dihadiri 41 persatuan dari seluruh Tanah Melayu, dirasmikan oleh Sultan Hishammuddin Alam Shah, Sultan Selangor.
6. Kongres bersetuju menubuhkan UMNO dan PEKEMBAR bagi menentang Malayan Union dan Dato' Onn dipilih sebagai Pengerusi I Kongres Melayu I.
7. 30-31 Mac 1946 : Kongres Melayu II diadakan bagi mambantah perisytiharan Malayan Union yang akan diadakan pada 01 April 1946 dan memutuskan Tiga perkara penting bagi menentang Malayan Union iaitu :-
 - 7.1. Meminta Raja-raja Melayu memulaukan Majlis Perlantikan Gabenor Malayan Union I iaitu Sir Edward Gent.
 - 7.2. Meminta orang Melayu yang dilantik sebagai Ahli Majlis Pentadbiran Dalam Malayan Union agar memulaukan perlantikan itu.
 - 7.3. Orang Melayu berkabung selama tujuh hari : lilit kain putih pada Songkok.
8. Meminta orang Melayu mengadakan rapat umum di bandar-bandar seperti Singapura, Johor Baru, Muar, Batu Pahat, Rembau, Seremban, Klang, Kuala Lumpur, Ipoh, Alor Star dan Pulau Pinang : membawa sepanduk yang mengutuk Atau menentang Malayan Union sewaktu lawatan dua orang Ahli Parlimen

British iaitu L.D. Gammans dan David Rees Williams.

9. Wanita juga terlibat secara langsung dalam usaha menentang Malayan Union Seperti Cikgu Zaharah Abdullah, Halimahton Majid, Datin Putih Mariah, dan Ditubuhkan Persatuan Kaum Ibu Selangor untuk menentang Malayan Union.

Penubuhan UMNO

1. Antara keputusan penting Kongres Melayu ialah bersetuju menubuhkan UMNO.
2. 11 Mei 1946 : 29 buah pertubuhan Melayu bersetuju untuk menubuhkan UMNO dalam perjumpaan di Istana Besar, Johor Baru dengan Dato' Onn Sebagai Yang Dipertuanya yang pertama.

Tujuan Penubuhan UMNO

1. Menjadi wadah perjuangan orang Melayu untuk memperkasa kemajuan Orang Melayu.
2. (Catat carta ms : 65)

Perjuangan Tokoh UMNO

DATO' ONN JAAFAR

1. Pengasas UMNO.
2. Mendapat pendidikan di MCKK dan England.
3. Pernah bertugas sebagai Pegawai Tadbir dan wartawan.
4. 1946 dilantik sebagai Menteri Besar Johor.
5. Berjaya menyatukan orang Melayu dalam UMNO bagi menentang Malayan Union.

6. Berjaya memujuk Raja-raja Melayu supaya memulaukan Upacara Perlantikan Sir Edward Gent sebagai Gabenor I Malayan Union.

11

7. Beliau adalah antara AJK Penggubal Perlembagaan UMNO pada 1949.

DATO' PANGLIMA BUKIT GANTANG (AB.WAHAB B. AB. AZIZ)

1. Pendidikan awal di Anderson School's, Ipoh dan Inner Temple, England.
2. Menubuhkan Perikatan Melayu Perak yang menyokong Kongres Melayu Bagi menentang Malayan Union.
3. 1948-1953 : menjadi Ketua Bahagian UMNO Perak.

DATO' NIK AHMAD KAMIL

1. Pendidikan awal di Sekolah Majlis Agama Islam, Kota Bharu, Kelantan, MCKK, dan Lincoln's Inn, London.
2. Kerjayanya sebagai peguam.
3. Menjadi AJK UMNO Pusat dan Ketua UMNO kelantan.
4. Dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan kemudiannya Sebagai Menteri Besar Kelantan dari 1948 hingga 1955.

ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD (ZA'ABA)

1. Dianggap sebagai seorang intelek Melayu.
2. Membantu Dato' Onn mengendalikan Kongres Melayu I.
3. Mencadangkan perkataan "kebangsaan " (national) ke dalam "UMO" Menjadi "UMNO".
4. Dikenali juga sebagai "*Pendeta Bahasa Melayu*".

Perjuangan Dan Perkembangan UMNO

1. Berjaya memajukan orang Melayu dalam bidang politik, ekonomi, sosial Dan pendidikan.
2. 1946 : Piagam UMNO digunakan sebagai garis panduan perjuangan.
3. 1949 : Perlembagaan pertama UMNO diluluskan .
4. 1950 : Cogan kata “Hidup Melayu” ditukarkan kepada “**MERDEKA**”.
5. 27 Julai 1947 : Bendera UMNO berkibar buat kali pertamanya di Pulau Pinang dan bendera itu adalah hasil daripada cadangan Ikatan Setia, Kampung Baru, Kuala Lumpur :

Merah : *keberanian*
Putih : *suci dan ikhlas*
Kuning : *lambang Raja*
Hijau : *lambang Agama Islam*

PERSEKUTUAN TANAH MELAYU (PTM)

Pengenalan

PTM ditubuhkan pada 01 Februari 1948 bagi menggantikan MU yang Ditentang hebat oleh orang Melayu.

Ke arah Penubuhan PTM

1. Mei 1946 : Raja-raja Melayu berunding dengan pihak British di Kuala Kangsar bagi menolak Malayan Union.
2. Jun 1946 : UMNO mengadakan rundingan di Pulau Pinang dengan pihak British juga bagi menolak Malayan Union.

3. 25 Julai 1946 : *Jawatan Kuasa Eksekutif* ditubuhkan yang dianggotai oleh wakil Raja-raja Melayu, wakil UMNO & Pegawai Kanan British di King's House, Kuala Lumpur dan beberapa tuntutan telah dikemukakan :-
 - 3.1. Raja-raja dan orang Melayu menolak semua prinsip dan struktur Malayan Union.
 - 3.2. Mereka mahukan sebuah bentuk persekutuan bagi seluruh Tanah Melayu.
 - 3.3. Menolak kerakyatan secara "jus soli".
 - 3.4. Meminta taraf negeri naungan bagi negeri-negeri Melayu dipulihkan.
 - 3.5. Raja-raja Melayu menjadi Ketua Negeri Melayu.
4. British bersetuju menubuhkan PTM kerana tidak mahu orang Melayu Menentang British secara kekerasan disebabkan mereka bimbang PKM Mempengaruhi cara orang Melayu (rundingan dan sederhana) , serta seruan daripada PBB agar penjajah melaksanakan dasar "**dekolonialisasi**".
5. 21 Jan. 1948 : Perjanjian Penubuhan PTM ditandatangani antara Raja-raja Melayu, wakil UMNO dan pihak British.
6. 01 Februari 1948 : Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk.
(Catat carta ms. : 77 dan 78)

BAB 3

ANCAMAN PKM DAN DARURAT DI TANAH MELAYU

Pengenalan

1. PKM berusaha menubuhkan Republik Komunis Malaya.
2. Kerjasama dan sokongan rakyat membawa kepada kejayaan kerajaan Menghapuskan ancaman komunis.

Penyusupan Komunis

1. Parti Kuomintang (KMT) dan Parti Komunis Nanyang menyebarkan Dakyah komunis kepada orang Cina melalui Kesatuan Sekerja, persatuan-persatuan, kelas malam,dan penerbitan.
2. 1924-1930 : Parti Komunis Indonesia (PKI) menyebarkan fahaman komunis kepada orang Melayu tetapi tiada sambutan kerana bertentangan dengan agama Islam dan adat resam Melayu : komunis tidak percayakan agama (atheis) , menggunakan kekerasan serta kezaliman.

Penubuhan PKM

1. Ditubuhkan pada 1930 dengan matlamat untuk menubuhkan RKM.
2. 1935 : Kegiatan PKM semakin agresif dengan melancarkan mogok dan sabotaj bagi melumpuhkan ekonomi.
3. Mogok terbesar dilancarkan di lombong arang batu di Batu Arang, Selangordengan 6000 pekerja terlibat dan mereka menguasai lombong Tersebut: - 300 anggota polis berjaya menamatkan mogok, pemimpin Kesatuan dihantar balik ke Cina dan ramai pemimpin PKM ditahan.

4. Pada zaman Jepun, PKM bekerjasama dengan British menentang Jepun Dengan menubuhkan MPAJA.:-
 - 4.1. Anggota MPAJA diberi latihan di Sekolah Latihan Khas 101 Di Singapura.
 - 4.2. Dilatih taktik “perang gerila”.
 - 4.3. Dibekalkan dengan alat senjata - tamat perang Jepun, sebahagian kecil sahaja senjata dipulangkan kepada British.

Keganasan Komunis

1. 1948 : wakil PKM hadir *Persidangan Pemuda Komunis Asia* di- Calcutta, India : menggalakkan Parti Komunis melancarkan Pemberontakan bersenjata bagi merampas kuasa bagi menubuhkan Republik Komunis Malaya – untuk mencapai hasrat itu, PKM Telah menubuhkan satu unit gerila dinamakan **MRLA**.
3. MRLA menyerang ladang dan lombong milik syarikat Eropah, Menyerang balai polis, membakar kilang, bas, merosakkan landasan kereta Api dan membunuh.

USAHA BRITISH MENGHAPUSKAN ANCAMAN PKM Perisytiharan Darurat

1. Jun 1948 : Sir Edward Gent (Pesuruhjaya Tinggi British) mengisytiharkan Undang-undang Darurat 1948 setelah tiga orang pengurus ladang berbangsa Eropah dibunuh oleh pegganas komunis di Sungai Siput, Perak.
2. Undang-undang Darurat 1948 membenarkan kerajaan menahan sesiapa yang disyaki terlibat dengan komunis, pasukan keselamatan boleh menggeledah rumah, pindahkan penduduk ke penempatan baru, pagar kampung yang penduduknya disyaki membantu komunis

Pengharaman PKM dan Parti-parti Lain

1. 23 Julai 1948 : PKM diharamkan.
2. Parti-parti lain berhaluan kiri yang memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu seperti AWAS, PETA, PERAM, PKMM dan Hizbul Muslimin (catat ms : 91).

Memperbesar Pasukan Keselamatan

1. Bilangan anggota polis ditambah hingga 70,000 anggota.
2. Tentera dari Negara Komanwel seperti Australia, New Zealand, Afrika Timur, dan Fiji dibawa masuk ke Tanah Melayu.
3. Home Guard ditubuhkan pada peringkat kampung bagi membantu polis dan tentera.
4. Anggotanya terdiri daripada lelaki dan wanita.
5. SC (Special Constable's) atau mata-mata khas seramai 24,000 anggota dilatih dan dihantar bagi mengawal ladang serta lombong yang terpencil.

Rancangan BRIGGS

1. 1950 : Rancangan Brigg's dilancarkan oleh Sir Henry Gurney.
2. Lef. Jeneral Sir Harold Rowdon Brigg dilantik sebagai Pengarah Operasi.
3. Rancangan ini melibatkan penempatan semula penduduk yang tinggal di kawasan terpencil ke penempatan baru yang digelar "Kampung Baru".
4. Kampung Baru dipagar dan dikawal bagi memutuskan bekalan makanan, wang, maklumat dan ubatan daripada jatuh ke tangan komunis (Min Yuen).
5. 400,000 penduduk setinggan Cina dari seluruh Tanah Melayu dipindahkan ke 400 lokasi kampung baru.

6. Kampung Baru dilengkapi dengan tempat tinggal, sekolah, klinik, Bekalan letrik, air paip dan lain-lain kemudahan.
7. Setiap keluarga di kampung baru diberi kad catuan makanan, pergerakan Keluar masuk penduduk diselia.
8. “Gerakan Kelaparan” dilancarkan bagi memastikan komunis tidak mendapat bekalan makanan, senjata, maklumat dan ubatan.
9. Brigg juga menyokong penubuhan MCA bagi membantu penduduk Cina Di kampung baru melalui jualan “Loteri Kebajikan Masyarakat”.
10. Sekatan jalanraya diadakan.
11. Setiap penduduk 12 tahun ke atas, didaftarkan dan diberi kad pengenalan Bagi membezakan rakyat biasa dengan komunis.
12. Rancangan Brigg’s berjaya melumpuhkan rangkaian PKM kerana tiada Sokongan rakyat dan mereka kemudiannya berundur ke Selatan Thailand.

Perang Saraf (Perang Psikologi)

1. Kempen “Memenangi Hati dan Fikiran Rakyat” dilancarkan bagi Memujuk rakyat berbilang kaum agar bersatu padu dan menghapuskan Perasaan perkauman.
2. 1952 : Sir Gerald Templer dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu dan beliau melancarkan kempen “Bulan Penduduk Tanah Melayu Menentang Komunis”.
3. Kempen-kempen yang dijalankan berjaya menimbulkan kebencian rakyat Terhadap kekejaman komunis dengan menawarkan diri menjadi polis dan Tentera.
4. Beliau juga memperkenalkan konsep “Kawasan Hitam “ iaitu kawasan kegiatan komunis aktif dan dikenakan perintah berkurung serta “Kawasan Putih” iaitu kawasan bebas pengaruh komunis : kesannya pada 1954,

Melaka, Terengganu, Kedah, Perlis dan Negeri Sembilan diisytiharkan Kawasan putih.

5. 1952 : Templer melonggarkan syarat kewarganegaraan bagi mendapatkan sokongan orang Cina dan India untuk menentang komunis : akibatnya 1.2 juta orang Cina dan 180 ribu orang India diterima menjadi warganegara.
6. Templer juga menawarkan hadiah \$250,000.00 kepada yang berjaya Menangkap Chin Peng sama ada hidup atau mati da \$200,000.00 kepada Yang berjaya menangkap atau membunuh orang kanannya.
7. Peraturan catuan bekalan makanan diperkenalkan supaya bekalan Makanan tidak sampai kepada komunis.
8. Kerajaan juga menawarkan pengampunan kepada komunis yang menyerah Diri dengan mengedarkan risalah, poster, siaran radiodan iklan melalui Wayang gambar.

18

Pertemuan Baling

1. 27 Julai 1955 : Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan diadakan dengan dimenangi oleh Parti Perikatan pimpinan Tunku Abdul Rahman.
2. 28 & 29 Disember 1955 : diadakan pertemuan antara Tunku Abdul Rahman dengan Chin Peng (Setiausaha Agung PKM) di Baling, Kedah tetapi gagal kerana Tunku Abdul Rahman enggan mengiktiraf PKM sebagai parti politik yang sah.
3. Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Pengaruh komunis semakin merosot dan dengan itu pada 31 Julai 1960 Undang-undang Darurat ditamatkan.

Kesan Darurat

Politik

1. Darurat menjadi seperti pemangkin kepada kemerdekaan Tanah Melayu kerana rakyat tidak lagi menyokong atau bekerjasama dengan komunis.
2. Penubuhan MCA untuk bergerak cergas dalam politik Tanah Melayu menyebabkan lebih ramai orang Cina memberi kerjasama kepada Kerajaan bagi membantu menghapuskan pengaruh komunis.

Ekonomi

1. Sebahagian besar sumber ekonomi negara musnah seperti jalanraya, jambatan, landasan keretapi, kilang-kilang, ladang getah, lombong Bijih timah, ancaman terhadap pekerja oleh sabotaj komunis.
2. Dalam tempoh 12 tahun, kerajaan membelanjakan \$ 721.9 juta bagi Membeli peralatan tentera untuk mengukuhkan sistem pertahanan.
3. Tumpuan kepada perkembangan ekonomi terabai kerana fokus kerajaan ialah untuk menjaga keselamatan rakyat daripada ancaman komunis.

Sosial

1. Keganasan PKM selama 12 tahun membawa kesengsaraan kepada Rakyat, seramai 21,231 tentera, polis dan orang awam yang terbunuh, Cedera manakala seramai 6133 komunis terbunuh.
2. Pergerakan penduduk terhad kerana ada pelbagai undang-undang Dan peraturan dikenakan semasa darurat, kehidupan begitu sukar.
3. Catuan bekalan makanan menyebabkan rakyat bergantung kepada ubi Kayu dan keledak.
4. Jawatan Kuasa Hubungan Antara Kaum dibentuk bagi menjalin Hubungan perpaduan antara kaum.
5. Dasar Pelajaran Kebangsaan digubal dengan sukatan pelajaran

Berorintasikan Tanah Melayu, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pengantar
Yang sama bagi semua sekolah dengan matlamat memupuk perasaan
Cintakan negara dan perpaduan rakyat.

RUMUSAN

Darurat membawa kesengsaraan, kerjasama antara rakyat dengan kerajaan
Berjaya menghapuskan ancaman komunis. Toleransi, tolak ansur, saling
Memahami dapat membentuk perpaduan yang sangat penting ke arah hidup
Yang harmoni bagi kemajuan negara.

BAB 4

KERJASAMA ANTARA KAUM KE ARAH KEMERDEKAAN.

Ke arah Perpaduan Kaum

1. 1949 : CLC (Community Liaison Committee) atau Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum ditubuhkan dengan tujuan mencapai perpaduan Dan kerjasama antara kaum sebagai satu daripada syarat untuk mencapai Kemerdekaan Tanah Melayu.
2. Perpaduan, kerjasama, kestabilan politik dan hidup harmoni akan Mendorong British untuk terus melabur dalam ekonomi Tanah Melayu.
3. CLC dipengerusikan oleh Dato' E.E.C. Thuraisingham manakala Sir Malcolm MacDonalld sebagai penasihat, AJK terdiri daripada Dato' Onn Jaafar (wakil UMNO), Tun Tan Cheng Lock (wakil MCA), seorang Wakil kaum India, Ceylon, Serani dan Eropah.
4. Kompromi CLC – UMNO membawa kepada beberapa persetujuan Dalam perkara-perkara berikut :-
 - 4.1. Kelonggaran syarat kerakyatan persekutuan,
 - 4.2. Bantuan ekonomi dan pelajaran kepada orang Melayu,
 - 4.3. Pilihan raya akan diadakan pada masa yang sesuai, di peringkat Majlis Bandaran, Negeri dan Perundangan Persekutuan,
 - 4.4. Pembentukan satu sistem pendidikan yang mewajibkan Penggunaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Pengantar.

Usaha Parti Politik Mewujudkan Perpaduan Kaum

1. Feb. 1954 : Diadakan konferensi Nasional antara MB, pihak British Dan Parti Negara bagi membentuk kerjasama politik.

2. Ogos 1954 : Diadakan Konvensi Nasional antara UMNO – PAS.
3. *Konferensi* dan *konvensi* nasional ini menjadi medan perbincangan Antara parti-parti politik dengan tujuan merealisasikan perpaduan Kaum bagi mengadakan pilihan raya ke arah kemerdekaan Tanah Melayu.
4. Catat carta ms : 124.

Pendidikan Alat Perpaduan

1. Sebelum merdeka, terdapat lima jenis sekolah di Tanah Melayu :-
 - 1.1. Sekolah Agama Islam,
 - 1.2. Sekolah vernakular Melayu,
 - 1.3. Sekolah vernakular Cina,
 - 1.4. Sekolah vernakular Tamil dan
 - 1.5. Sekolah aliran Inggeris.
2. Perbezaan sistem persekolahan menimbulkan perbezaan politik, Ekonomi, sosial yang menjadi penghalang kepada perpaduan kaum.
3. Beberapa laporan pelajaran dikeluarkan bagi merapatkan perbezaan Pendidikan untuk membentuk perpaduan kaum.
4. Sistem pendidikan kebangsaan bertujuan melahirkan murid yang Belajar menerusi sistem pendidikan yang sama.
5. Catat Pustaka Ilmu ms : 126, 127& 128.
6. Catat carta ms : 129.

Kerjasama Kaum Ke arah Berkerajaan Sendiri.

Sistem Ahli.

1. Ideanya dicetuskan oleh Dato' Onn Jaafar dan disokong oleh Pihak British dan Raja-raja Melayu.

2. Tujuannya untuk melatih orang Melayu dan kaum-kaum lain dalam
3. Dilaksanakan mulai April 1951 hingga Jun 1955.
4. Catat carta ms : 131.

Kelonggaran Syarat Kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu.

1. Tujuan melonggarkan syarat kerakyatan ialah :-
 - 1.1. Supaya golongan imigran taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu;
 - 1.2. Untuk mengelakkan golongan imigran daripada terpengaruh Dengan PKM.
2. Pihak British menubuhkan RIDA (Rural Industrial Development Authority atau Lembaga Pembangunan Industri Desa) dengan Tujuan :-
 - 2.1. Membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi orang Melayu;
 - 2.2. Memujuk orang Melayu agar setuju dengan kelonggaran Syarat kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu dan Kerakyatan Negeri 1951.
3. 1966 : RIDA ditukarkan namanya menjadi MARA.
4. Catat ms : 133.

Pembentukan Parti Perikatan

Catat carta ms : 135

Antara tokoh penting yang terlibat dalam pembentukan Parti Perikatan ialah Dato' Hj. Noah, Tun Tan Cheng Lock, Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak.

Pembentukan Parti Perikatan telah berjaya mewujudkan kerjasama dan Perpaduan kaum.

Pilihanraya Majlis Bandaran

Dis. 1951 : Pilihanraya pertama Majlis Bandaran diadakan di-George Town, Pulau Pinang bagi memilih Ahli Majlis Perbandaran George Town.

1. Parti Radikal (dianggotai pelbagai kaum) menang enam daripada sembilan kerusi.
2. Feb. 1952 : Pilihanraya Majlis Bandaran Kuala Lumpur diadakan.
3. Kerjasama antara UMNO (Dato' Yahya Razak) dengan MCA (H.S. Lee) menghasilkan kemenangan UMNO – MCA sebanyak sembilan daripada 12 kerusi.
4. Kerjasama antara UMNO – MCA diteruskan dalam pilihanraya Seterusnya hingga menghasilkan kemenangan 26 kerusi daripada 37 kerusi yang dipertandingkan.
5. Keberkesanan kerjasama UMNO – MCA dalam Pilihanraya Bandaran mendorong kepada penubuhan Parti Perikatan pada 1954.

Pilihanraya Negeri

Pilihanraya Negeri pada 1954 menyaksikan kemenangan besar UMNO – MCA apabila pakatan UMNO-MCA memenangi 226 Daripada 268 kerusi yang dipertandingkan.

Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan

1. 1954 : Pentadbiran British di Tanah Melayu menubuhkan Jawatan kuasa Pilihanraya dengan ahlinya terdiri daripada pegawai-pegawai kanan British dan wakil parti-parti politik.
2. Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan memperuntukkan 100

Kerusi dengan 52 kerusi dipertandingkan manakala 48 kerusi dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British.

3. 27 Julai 1955 : dilangsungkan pilihanraya Majlis Perundangan
24
Persekutuan, Tanah Melayu.
4. 15 Julai 1955 : Kempen pilihanraya dimulakan dan Parti Perikatan mengemukakan manifesto seperti berikut :-
 - 4.1. Mencapai kemerdekaan dalam tempoh empat tahun;
 - 4.2. Mewajibkan pendidikan rendah;
 - 4.3. Melindungi hak Raja-raja Melayu sebagai Raja Berpelembagaan;
 - 4.4. Menamatkan darurat;
 - 4.5. Menjadikan pentadbiran awam bercorak tempatan.
5. Hak mengundi diberikan kepada semua warganegara berumur 21 Tahun ke atas.
6. Parti Perikatan memenangi 51 daripada 52 kerusi yang di-Pertandingkan.
7. Asas kemenangan Parti Perikatan ialah kerjasama antara kaum Dan kesediaan untuk berkongsi kuasa serta permuafakatan dalam Mentadbir Negara.

Rumusan

Kerjasama, perpaduan dan permuafakatan antara parti-parti politik Dengan rakyat pelbagai kaum menjadi asas kepada usaha untuk Mencapai kemerdekaan dan membangunkan Negara. Perkongsian Kuasa menjadi ramuan penting ke arah kemajuan Negara.

BAB 5.

KEMERDEKAAN NEGARA

Pengenalan

1. Parti Perikatan membentuk kerajaan setelah selesai pilihanraya 1955.
2. Satu rombongan dihantar ke London untuk merundingkan Kemerdekaan Tanah Melayu.
3. Suruhanjaya Bebas (Suruhanjaya Reeid) dibentuk oleh British bagi Menggubal perlembagaan Tanah Melayu merdeka.
4. Perisytiharan Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 telah menamatkan Penjajahan ke atas Tanah Melayu selama 446 tahun.

Rombongan Merdeka

1. Awal 1956 : Tunku Abdul Rahman (Ketua Menteri) mengetuai Rombongan Merdeka ke London dengan disertai sama oleh :-
 - 1.1. Wakil Parti Perikatan iaitu Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Dr. Ismail Abdul Rahman dan Tun H.S. Lee.
 - 1.2. Wakil Raja-raja Melayu ialah Dato' Panglima Bukit Gantang (Abdul Wahab bin Abdul Aziz), Abdul Aziz bin Othman, Dato' Mohd. Seth dan Dato' Nik Ahmad Kamil.

2. Matlamat rombongan ini ialah untuk merundingkan kemerdekaan bagi Persekutuan Tanah Melayu.
3. Rundingan kemerdekaan telah dipengerusikan oleh Lord Lennox Boyd iaitu Setiausaha Tanah Jajahan British bermula dari 18 Jan. – 18 Feb. 1956.
4. Hasil daripada rundingan tersebut ialah kedua-dua pihak bersetuju untuk Menandatangani Perjanjian London yang antara kandungannya ialah :-
 - 4.1. 31 Ogos 1957 sebagai tarikh bagi kemerdekaan Tanah Melayu;
 - 4.2. Perlantikan suruhanjaya bebas bagi menggubal perlembagaan Merdeka;
 - 4.3. Parti Perikatan tidak akan ambil alih kepentingan perniagaan Barat di Tanah Melayu;
 - 4.4. Perjanjian Pertahanan Persekutuan Tanah Melayu dengan British Bagi menjaga keselamatan dan kepentingan ekonomi British Di Tanah Melayu;
 - 4.5. Konsep Raja Berperlembagaan dikekalkan;
 - 4.6. Pembahagian kuasa kerajaan pusat dengan kerajaan negeri Dikekalkan.
5. 20 Feb.1956 : Rombongan Merdeka kembali ke Tanah Melayu dan telah Disambut dengan meriah oleh rakyat di Padang Merdeka, Bandar Hilir, Melaka.

Penyediaan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

1. Suruhanjaya Reid dibentuk pada Mac 1956 bagi menyusun Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.
2. Lord William Reid dilantik mempengerusikan Suruhanjaya ini dengan Ahli-ahlinya terdiri daripada :-
 - 2.1. Sir Ivor Jennings (England);
 - 2.2. Sir William McKell (bekas Gabenor General Australia);
 - 2.3. Tuan B. Malik (Hakim Mahkamah Tinggi, India);
 - 2.4. Tuan Abdul Hamid (Hakim Mahkamah Tinggi, Pakistan).

3. Tugas Suruhanjaya Reid ialah :-
 - 3.1. Merangka perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu merdeka.
 - 3.2. Membentuk dan menentukan kuasa kerajaan pusat dan Kerajaan negeri;
 - 3.3. Menjamin kedudukan khas Raja-raja Melayu;
 - 3.4. Mewujudkan satu rupa bangsa Persekutuan Tanah Melayu.
4. Suruhanjaya menerima 131 memorandum daripada pelbagai pihak termasuk daripada Raja-raja Melayu.
5. Feb. 1957 : Suruhanjaya Reid mengeluarkan draf perlembagaan Untuk dibahas oleh rakyat dan parti-parti politik.
6. Draf perlembagaan yang dipersetujui :-
 - 6.1. Sebuah Negara persekutuan dengan pembahagian kuasa antara Kerajaan pusat dengan kerajaan negeri;
 - 6.2. Kerakyatan secara jus soli kepada mereka yang lahir di Tanah Melayu.
 - 6.3. Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan tanpa menjejaskan Hak kaum-kaum lain.
 - 6.4. Institusi Raja dan konsep Raja Berperlembagaan dikekalkan.
 - 6.5. Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan manakala Bahasa Cina Dan Bahasa Tamil boleh dikembangkan serta menjadi bahasa Pengantar di sekolah masing-masing.
 - 6.6. Agama Islam menjadi agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu Namun agama-agama lain boleh terus diamalkan.
7. Jun 1957 : Cadangan Suruhanjaya Reid diterima oleh Parlimen British.
8. Draf Perlembagaan Merdeka diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan dan dengan itu pada 15 Ogos 1957, upacara menandatangani Perjanjian Merdeka antara Raja-raja Melayu dengan wakil British diadakan Di Kuala Lumpur.

Perlembagaan Merdeka

1. Sebuah Kerajaan Persekutuan dibentuk dengan nama Persekutuan Tanah Melayu.
2. Yang Dipertuan Agung sebagai Ketua Negara.
3. Pembentukan sebuah Parlimen yang mempunyai Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
4. Perdana saebagai Ketua Pentadbiran Negara.
5. Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu.
6. Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.
7. Kerakyatan terbuka kepada sesiapa yang lahir di Persekutuan Tanah Melayu manakala kerakyatan secara permohonan juga dipertimbangkan Dengan syarat-syarat tertentu.
8. Kedudukan istimewa orang-orang Melayu diteruskan tanpa mengurangkan Hak warganegara yang lain.

Permasyhuran Kemerdekaan

1. 30 Ogos 1957 : Tepat jam 12.00 tengah malam, bertempat di hadapan Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur, bendera Union Jack (British) Diturunkan dan bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan sebagai Tanda Persekutuan Tanah Melayu telah bebas dan merdeka.
2. 31 Ogos 1957 : Permasyhuran Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu Dilakukan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur, dengan upacara yang Gilang-gemilang, dihadiri oleh ribuan rakyat, pemimpin politik dan semua Raja-raja Melayu.
3. Apabila Duke of Wellington (wakil Ratu Elizabeth) menyerahkan Dokumen Kemerdekaan kepada Yang Dipertuan Agung, maka tamatlah Penjajahan selama 446 tahun di Tanah Melayu.
4. Tunku Abdul Rahman (Perdana Menteri) membacakan perisytiharan

Kemerdekaan dengan disambut laungan “MERDEKA’ sebanyak tujuh Kali oleh para hadirin.

(Catat ms.: 166)

Rumusan

Langkah kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dipercepatkan setelah Parti Perikatan memenangi pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan Pada 1955.

Kemerdekaan ini mestilah dipertahankan. Tugas rakyat seterusnya ialah Untuk terus membangunkan Negara, mengekalkan segala nilai-nilai murni Bangsa Malaysia agar para pemimpin dapat meneruskan usaha bagi Memajukan Negara.

BAB. 6

KE ARAH BERKERAJAAN SENDIRI DI SARAWAK DAN SABAH.

Latar belakang

1. Sebelum campurtangan James Brooke dalam politik Sarawak, negeri Ini adalah di bawah penguasaan Kesultanan Brunei.
2. Wakil Sultan Brunei di Sarawak, Pengiran Indera Mahkota telah Mengambil alih kuasa politik daripada pemimpin tempatan dan Mengenakan cukai tinggi kepada rakyat dan ini membangkitkan Penentangan rakyat Sarawak terhadap Brunei.
3. Pengiran Raja Muda Hashim yang menggantikan Pengiran Indera Mahkota gagal mengembalikan keamanan Sarawak dan terpaksa Meminta pertolongan James Brooke bagi memulihkan keamanan.
4. Sebagai membalas jasa, James Brooke diberikan kuasa untuk Memerintah Sarawak dan keluarganya telah memerintah Sarawak Dari 1841 - 1941.
5. Jan. 1941 : Charles Vyner Brooke memperkenalkan Perlembagaan 1941 tetapi tidak sempat dilaksanakan kerana pendudukan Jepun.
6. 10 Sept. 1945 - 1 Julai 1946 : Pentadbiran Tentera British telah Diperkenalkan di Sarawak setelah kekalahan Jepun.
7. Charles Vyner Brooke mahu menyerahkan Sarawak kepada British Kerana :-

- 7.1. Desakan kerajaan British bagi menjamin pelaburan British Di Sarawak, selamat;
- 7.2. Pertikaian keluarga : Charles Vyner Brooke yang uzur dan Lanjut usia enggan menyerahkan pentadbiran Sarawak kepada anak saudaranya, Anthony Brooke (beliau tiada Waris).
- 7.3. Masalah kewangan : Charles Vyner Brooke tiada sumber Kewangan untuk membangunkan Sarawak setelah tamat Perang Jepun.
8. Dis. 1945 : Charles Vyner Brooke berunding dengan kerajaan British dan bersetuju untuk menyerahkan Sarawak kepada British
9. Gerald T. Mac Bryan menjadi wakil C.V. Brooke, dihantar ke-Sarawak bagi mendapatkan persetujuan dan tandatangan pemimpin Tempatan dalam Majlis Tertinggi Sarawak (menggunakan tipu Muslihat).
10. 8 Feb. 1946 : C.V. Brooke mengisytiharkan persetujuan Majlis Tertinggi Sarawak untuk penyerahan kepada British tetapi mendapat Bantahan terutamanya daripada orang Melayu dan Iban.
11. Ekoran bantahan berterusan rakyat, C.V. Brooke merujuk kepada Majlis Negeri yang kemudiannya bersidang tiga hari dan meluluskan Dengan 18 undi menyokong manakala 16 undi menentang yang Kemudiannya dinamakan Undang-undang Penyerahan Sarawak (Cession Bill).
12. 01 Julai 1946 : Sarawak diisytiharkan sebagai *Jajahan Mahkota* British dengan *Sir Charles Arden Clarke* sebagai Gabenor pertama.

Gerakan Anti Penyerahan

1. Penyerahan Sarawak kepada British dibantah oleh orang Melayu Dan Iban.
2. Datu Patinggi Abang Hj. Abdillah bin Datu Patinggi Hj. Mohd. Kassim (Ketua masyarakat Melayu) membantah keras penyerahan itu.
3. Bantahan juga disuarakan oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS), Barisan Pemuda Melayu Sibul (BPM), Barisan Pemuda Sarawak (BPS) dan Persatuan Dayak Sarawak (PDS).
4. Rakyat Sarawak membantah penyerahan kerana susahnyia untuk mendapat Kemerdekaan daripada British dan bertentangan dengan Perlembagaan 1941.
5. Rakyat juga membantah kerana C.V. Brooke tidak berunding langsung dengan para pemimpin tempatan Sarawak.
6. BPM meminta Anthony Brooke ditabalkan sebagai Raja Sarawak tetapi Tidak dipersetujui oleh C.V. Brooke.

Penentangan dan Reaksi British

1. **Golongan Anti Penyerahan** menghantar surat, kawat dan telegram bantahan kepada kerajaan British tetapi tidak diendahkan oleh British.
2. Poster ditampal di serata tempat bagi menyatakan penentangan rakyat Yang anti penyerahan.
3. Cikgu Lily Eberwein (PKMS), Puan Hajah Sipah Tuanku Othman,

Dayang Fauziah, Cikgu Ajibah Abol (BPM) : melambangkan penentangan wanita Sarawak terhadap penyerahan itu.

4. Dis. 1946 : British mengeluarkan Pekeliling No. 9 : melarang kakitangan Kerajaan terlibat dengan gerakan anti penyerahan.
5. 02 April 1947 : 338 kakitangan kerajaan letak jawatan dan akibatnya 22 buah sekolah terpaksa ditutup.
6. 01 Julai 1947 : Tunjuk perasaan terbesar diadakan di Kuching dengan Disertai oleh PKMS, BPM dan PDS bagi membantah perantikan Sir Charles Arden Clarke sebagai Gabenor Sarawak yang pertama.
7. Bagi melemahkan gerakan anti penyerahan, British menggalakkan Penubuhan Young Malay Association (YMA) dengan matlamatnya untuk Memecahbelahkan perpaduan kaum dan dapat melemahkan gerakan anti Penyerahan.
8. British juga melaga-lagakan hubungan kaum seperti Melayu dengan Dayak supaya gerakan anti penyerahan menjadi semakin lemah.
9. Golongan muda yang radikal dalam BPM, Sibul, menubuhkan Kumpulan Rukun Tiga Belas yang bersumpah untuk menghapuskan Pegawai Eropah dan pemimpin Melayu yang menyokong Penyerahan Sarawak Kepada British.
10. 03 Dis. 1949 : Sir Duncan Stewart (Gabenor Sarawak kedua) ditikam Oleh Rosli Dhobi (Ahli Rukun Tiga Belas) ketika Gabenor melawat Sibul dan 10 Dis. 1949, Sir Duncan Stewart mati.
11. Rosli Dhobi, Morshidi Sidek, Awang Rambli dan Bujang Suntong Dihukum gantung sampai mati.
12. British berjaya mengukuhkan kuasanya ke atas Sarawak hingga 1963.

Ke Arah Berkerajaan Sendiri di Sarawak

1. 1946 : Sarawak dibahagi kepada lima bahagian, setiap bahagian diketuai Oleh seorang Residen, manakala bahagian pula dibahagi kepada beberapa Daerah yang diketuai oleh Pegawai Daerah.
2. 1947 : Majlis Tempatan dibentuk manakala ahli-ahlinya dilantik dan Bertugas dalam pentadbiran tempatan yang menguruskan hal-hal seperti Pelajaran rendah, bekalan air, jalanraya, kesihatan, mengutip cukai, dan
34
Menguruskan perbelanjaan Majlis Tempatan.
3. 1956 : Pindaan Perlembagaan Sarawak bagi membolehkan Ahli Majlis Negeri ditambah menjadi 10 orang (berkuatkuasa pada April 1957).

Penubuhan Parti-parti Politik Sarawak

Catat ms. : 187

Catat ms. : 188.

KE ARAH BERKERAJAAN SENDIRI DI SABAH

1. Sebelum kedatangan Tentera Jepun pada 1941, Sabah ditadbir oleh Syarikat Borneo Utara British (SBUB).
2. Tamat Perang Jepun 1945, Sabah ditadbir secara Pentadbiran Tentera British (PTB) sehingga 15 Julai 1946 apabila Sabah secara rasminya Menjadi Tanah Jajahan British berdasarkan kepada perjanjian antara British dengan SBUB yang ditandatangani pada 26 Jun 1946.
3. Sebab-sebab Sabah diserahkan kepada British :-
 - 3.1. *Desakan daripada para pelabur Eropah;*
 - 3.2. *Untuk mengeksploitasi bahan mentah;*
 - 3.3. *Menjamin kedudukan dan keselamatan British di Sabah.*

4. 1950 : Perlembagaan baru Sabah diperkenalkan dengan penubuhan Majlis Kerja dan Majlis Undangan Negeri, anak tempatan seperti Donald Stephen dan Tun Datu Mustapha bin Datu Harun dilantik Sebagai Ahli Majlis Undangan untuk dilatih dalam bidang pentadbiran.
5. 1952 : Pilihanraya Majlis Tempatan diadakan.
6. 1960 : Pindaan Perlembagaan Sabah bagi menambah bilangan Ahli Tidak Rasmi Majlis Undangan yang dilantik oleh Gabenor British Daripada pemimpin kaum bumiputra Sabah.
7. 1962 : Dilaksanakan Pilihanraya Majlis Undangan Negeri Sabah.

35

Penubuhan Parti-parti Politik Sabah

1. Setelah Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu (Tunku Abdul Rahman) mengumumkan gagasan penubuhan MALAYSIA, beberapa Buah parti politik mula ditubuhkan di Sabah.
2. 1962 : Diadakan pilihanraya di Sabah dan dengan itu Parti Perikatan Sabah dibentuk (gabungan parti-parti USNO, UNKO, PASOK MOMOGUN, dan SCA).
3. Parti Perikatan menang cemerlang dalam pilihanraya ini.

Catat carta ms. 191.

RUMUSAN

Gagasan penubuhan Malaysia telah merencanakan pembentukan parti-parti Politik di Sarawak dan Sabah. Parti Perikatan Sarawak dan Sabah berjaya Menjadi parti dominant sehingga kini. Sarawak dan Sabah mencapai Kemerdekaannya melalui pembentukan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963.

BAB 7

MALAYSIA YANG BERDAULAT

Pengenalan

1. 27 Mei 1961 : Dalam Majlis Makan Tengahari di Hotel Adelphi, Singapura, Tunku Abdul Rahman mencetuskan idea penyatuan, Pertsefahaman dan kerjasama antara Tanah Melayu dengan Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei.
2. Julai 1961 : Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia dibentuk (JKPPM).
3. Tugas JKPPM ialah berunding dengan para pemimpin Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei bagi merintis jalan ke arah penubuhan Persekutuan Malaysia.
4. Oktober 1961 : Usul penubuhan Malaysia (Melayu Raya) dibahaskan Di Dewan Rakyat, PTM dan dipersetujui oleh Ahli Dewan Rakyat.

Matlamat Pembentukan Malaysia

1. Bagi mewujudkan kestabilan politik, kemakmuran ekonomi, sosial dan Perpaduan kaum.
2. Catat carta ms. : 205.

Reaksi Terhadap Pembentukan Malaysia 1963

1. Majoriti penduduk Tanah Melayu setuju dan PAS mencadangkan Pembentukan Melayu Raya dengan memasukkan Indonesia.
2. Lee Kuan Yew, pemimpin PAP (PETIR), setuju kerana bimbang Kepimpinan PAP jatuh ke tangan pemimpin berhaluan kiri (komunis).

3. Barisan Sosialis dan Parti Rakyat Singapura tidak bersetuju malahan Menganggap penubuhan Malaysia itu sebagai usaha British untuk terus Kekal di Singapura.
4. Referendum diadakan dan hasilnya majoriti penduduk Singapura Bersetuju penggabungan dalam Persekutuan Malaysia.
5. Manakala semua parti politik di Sabah menyokong penggabungan dalam Malaysia. (Catat carta ms. : 208)
6. Di Sarawak, semua parti politik menyokong kecuali Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP). Catat carta ms. : 209.
7. Sultan Omar Ali Saifuddin (Sultan Brunei) menyokong penubuhan Persekutuan Malaysia tetapi ditentang oleh A.M. Azahari (Pemimpin Parti Rakyat Brunei) yang kemudiannya melancarkan pemberontakan (beliau mencadangkan penubuhan Kalimantan Utara : Brunei, Sabah Dan Sarawak).
8. Brunei kemudiannya menarik diri daripada menyertai Persekutuan Malaysia kerana perkara-perkara yang berbangkit tentang hasil minyak Dan perlantikan Yang Dipertuan Agung.

LUAR NEGARA

Reaksi Indonesia

1. Pada awalnya Indonesia bersetuju dengan penubuhan Persekutuan Malaysia.
2. Persetujuan itu kemudiannya berubah apabila para pemimpinnya mula Dipengaruhi oleh Parti Komunis Indonesia (PKI) yang menganggap Penubuhan Persekutuan Malaysia itu sebagai neo-kolonialisme.
3. Manakala Presiden Sukarno berhasrat untuk menubuhkan Indonesia Raya (menggabungkan Indonesia dengan Tanah Melayu).

Reaksi Filipina

1. Filipina pula mendakwa Sabah sebahagian daripada wilayah Kesultanan Sulu tetapi tidak dilayan oleh British.
2. Suruhanjaya Cobbold dan laporan Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengesahkan persetujuan rakyat Sabah untuk menyertai Persekutuan Malaysia.
3. Catat Pustaka Ilmu dan AJK Suruhanjaya Cobbold ms. : 215.

Reaksi Negara-negara Barat

1. British dan Amerika Syarikat setuju dengan penubuhan Persekutuan Malaysia kerana akan mempercepatkan kemerdekaan bagi Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei dan dengan itu dapat menyekat pengaruh Komunis (Perang Vietnam - Teori Domino).
2. Catat langkah penubuhan Persekutuan Malaysia ms. : 214.

Perisytiharan Persekutuan Malaysia

1. Perlembagaan Persekutuan Malaysia digubal berasaskan kepada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dan hasil daripada memorandum rakyat Sabah dan Sarawak.
2. Rakyat Sabah mengemukakan Tuntutan 20 Perkara yang pada umumnya Juga dituntut oleh Sarawak.
3. Catat Pustaka Ilmu ms. : 216 - Tuntutan 20 Perkara.
4. 9 Julai 1963 : Perjanjian Persekutuan Malaysia ditandatangani di-Malborough House, London dan antara isi kandungan perjanjian itu ialah : catat ms. 216.
5. Isi perjanjian tersebut kemudiannya dimasukkan sebagai sebahagian Daripada Perlembagaan Malaysia.

6. 16 September 1963 : Persekutuan Malaysia ditubuhkan dengan rasminya Yang menggabungkan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah.

Konfrontasi dan Perdamaian

1. Setelah Persekutuan Malaysia diisytiharkan, Filipina dan Indonesia Telah memutuskan hubungan diplomatic dengan Malaysia.
2. Indonesia bertindak agresif dengan melancarkan konfrontasi dan Menghantar tentera menceroboh Malaysia.
3. Tun Dr.Ismail Abdul Rahman (Menteri Keselamatan Dalam Negeri) Membuat bantahan pencerobohan tentera Indonesia itu kepada PBB Tetapi tiada tindakan diambil terhadap Indonesia kerana diveto oleh Rusia.
4. Kerajaan menubuhkan Pasukan Pertahanan Tempatan (PPT – Wataniah) Yang dianggotai oleh rakyat untuk menentang pencerobohan tentera Indonesia itu.
5. Angkatan Tentera Malaysia dibantu oleh tentera dari England, Kanada, Australia dan New Zealand.
6. Selepas peristiwa “GESTAPO 30 September 1965”, General Suharto Menjadi Presiden Indonesia, bagi menggantikan Presiden Sukarno, Konfrontasi mula kendur.
7. Ogos 1966 : Perjanjian pemulihan hubungan diplomatik antara Indonesia Dengan Malaysia ditandatangani.
8. Catat ms. : 221.

Pemisahan Singapura

Faktor Pemisahan Singapura Dari Malaysia

1. Masalah Ekonomi.
 - 1.1. Singapura menuntut supaya statusnya sebagai pusat industri, Perdagangan dan pelabuhan bebas tidak disaingi oleh kerajaan Pusat.
 - 1.2. Singapura juga menuntut keistimewaan cukai daripada kerajaan Pusat.
2. Konsep Malaysian Malaysia.
 - 2.1. Menuntut hak sama rata untuk semua rakyat tanpa mengira kaum.
 - 2.2. Menafikan institusi raja dan menentang hak istimewa orang Melayu dan kaum bumiputra lain.
3. Pertikaian Parti Perikatan dengan PAP (PETIR).
 - 3.1. PAP menuduh MCA tidak mewakili kepentingan kaum Cina.
 - 3.2. Sewaktu pilihanraya 1964, PAP bertanding menentang Parti Perikatan.
4. Rusuhan Kaum.
 - 4.1. Para pemimpin PAP membuat kenyataan yang boleh membangkitkan semangat perkauman.
 - 4.2. Lee Kuan Yew (pemimpin PAP) mempertikaikan perkara-perkara Yang telah termaktub dalam perlembagaan Negara terutamanya Berkaitan dengan ***Hak Istimewa Orang Melayu***.
 - 4.3. Lee Kuan Yew juga berhasrat untuk mengambil alih peranan MCA.
 - 4.4. Rusuhan kaum yang berlaku di Singapura telah mengugat Keselamatan Negara.

5. 9 Ogos 1965 : Tunku Abdul Rahman membuat keputusan di Parlimen Malaysia dengan Perisytiharan Pemisahan Singapura daripada Persekutuan Malaysia.
6. Catat carta ms. : 226.

Rumusan

Penubuhan Malaysia untuk mencapai kestabilan politik, kemakmuran Ekonomi dan keharmonian sosial telah berjaya dicapai. Sebagai rakyat, Kita mestilah sentiasa bersedia untuk mempertahankan apa yang telah Dicapai itu serta mesti berusaha agar Negara terus cemerlang dalam apa Jua bidang terutamanya dalam Sains dan Teknologi.

NOTA TAMAT

S e l a m a t B e l a j a r

“M e m b a c a A m a l a n M a s y a r a k a t B e r t a m a d u n”